

# Buku penaksiran KI bantu universiti nilai pelajar

Oleh Rosniza  
Mohd Taha  
yoniza@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Universiti Putra Malaysia (UPM) menghasilkan panduan penaksiran kemahiran insaniah (KI) pelajar menerusi buku 'Rubrik Penaksiran Kemahiran Insaniah'.

Buku yang ditulis oleh Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UPM, Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran itu diterbitkan menerusi dana diterima daripada Kementerian Pendidikan.

Prof Mohammad Shatar berkata, pendekatan digariskan dalam buku itu dapat membantu mengurangkan elemen subjektif dalam penilaian KI sekali gus memastikan pemarkahan lebih adil kepada pelajar.

Katanya, bagi memudahkan penaksiran, KI dinilai berdasarkan rubrik iaitu set kriteria yang perlu dipenuhi pelajar mengikut tahap tertentu.

## Tiga aras

"Contohnya, dalam menilai ciri kerjasama, ada tiga aras



Idris (tengah) membelek buku Rubrik Penaksiran Kemahiran Insaniah sambil diperhatikan Prof Mohd Fauzi (kiri) dan Prof Mohammad Shatar pada majlis pelancaran buku itu di UPM, Serdang, Selangor.

rubrik iaitu menerima pada tahap satu diikuti memberi maklum balas bagi tahap kedua dan tahap ketiga adalah mengharga.

"Pelajar yang menerima arahan untuk melaksanakan projek secara berkumpulan tanpa membantah dinilai sebagai melepas tahap satu dan seterusnya boleh menjangkau tahap dua dan tiga jika aktif dalam perbincangan serta membantu melengkapkan tugas tanpa perlu diarah," katanya.

Beliau menjelaskan, penilaian KI bagi KKB membabitkan 80 peratus aspek elemen KI sementara hanya 20 peratus

diberikan bagi penguasaan aspek teknikal.

Katanya, hal itu kerana objektif pelaksanaan KKB adalah untuk membangunkan KI menerusi aktiviti yang menjadi kecenderungan pelajar, bukannya untuk menghasilkan pakar dalam bidang berkenaan.

## Buku pertama

"Contohnya, pembabitan dalam aktiviti KKB bola sepak bukan bermatlamat melahirkan pemain bola sepak yang handal, malah pelajar yang kaki bangku masih berpeluang meraih markah penilaian yang tinggi jika menyerlahkan ciri kerja-

ma berpasukan, merancang, kepemimpinan atau mengurus diri yang baik," katanya.

Prof Mohammad Shatar berkata, buku itu yang pertama seumpamanya diterbitkan di negara ini dilancarkan Menteri Pendidikan Kedua, Datuk Seri Idris Jusoh, pada akhir tahun lalu di UPM.

"Buku ini sudah diedarkan ke universiti awam dengan harapan ia dimanfaat untuk menilai KI pelajar dalam aktiviti kokurikulum berkredit. Ia juga boleh digunakan di institusi pendidikan lain termasuk sekolah."

"Susulan kejayaan penghasilan buku ini, UPM me-

“SUSULAN KEJAYAAN PENGHASILAN BUKU INI, UPM MENERIMA DANA LANJUTAN DARIPADA KEMENTERIAN PENDIDIKAN UNTUK MEMBANGUNKAN RUBRIK JATI DIRI DAN KESATUAN”

Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, Timbalan Naib Canselor HEPA UPM

nerima dana lanjutan daripada Kementerian Pendidikan untuk membangunkan rubrik jati diri dan kesatuan," katanya.